

Maqasid Syariah Dalam Keharusan Hibah Ruqba *Maqasid Syariah in The Necessity of Hibah Ruqba*

Nur Safina Mohd Sharif, Noor Lizza Mohamed Said

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Banyak syarikat perancangan dan pengurusan harta orang Islam di Malaysia menawarkan produk hibah yang berdasarkan syarat ruqba. Amalan konsep akad hibah ruqba ini semakin berkembang penggunaannya dari semasa ke semasa sedangkan terdapat pelbagai pandangan dalam kalangan ahli fiqh berkaitan hibah yang berdasarkan syarat ruqba. Konsep hibah ruqba yang berbeza dengan kaedah asal hibah mutlak menjadi persoalan adakah terdapat keperluan dan kemaslahatannya pada masa kini. Timbul juga persoalan apakah maqasid utama keharusan hibah ruqba disamping melihat pengamalannya di Malaysia. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengetahui pengamalan produk hibah yang berdasarkan syarat ruqba di Malaysia di samping mengetahui maqasid syariah dalam keharusan hibah ruqba. Kajian ini berbentuk kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan daripada sumber fiqh, maqasid syariah dan laporan-laporan kes di Mahkamah Syariah. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat maqasid syariah dalam keharusan hibah yang berdasarkan syarat ruqba terutamanya dalam produk-produk hibah ruqba yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat perancangan dan pengurusan harta di Malaysia. Maqasid utama akad hibah ruqba ini adalah kepada pemberi hibah itu sendiri dalam menjamin hak dan kepentingannya sebagai pemilik harta dalam mengawal pengaliran harta ke arah kemaslahatan, selain memelihara dan merancang hartanya agar dapat digunakan ke arah kebajikan. Oleh yang demikian, dengan mengetahui maqasid syariah dalam keharusan hibah ruqba, ia dapat memberi garis panduan kepada masyarakat yang ingin mengaplikasikan hibah ruqba dalam merancang dan mengurus harta mereka serta syarikat-syarikat yang menawarkan produk hibah ruqba agar selari dengan kehendak Syarak dan keperluan masa kini.

KATA KUNCI

Hibah ruqba, Maqasid Syariah, objektif Syarak, produk hibah, syarikat pengurusan harta

ABSTRACT

Many Muslim wealth planning and management organisations in Malaysia offer hibah solutions that are based on ruqba standards. Although there are different perspectives among fiqh scholars on hibah based on ruqba requirements, the concept of ruqba hibah contracts is growing more popular. Today, the concept of hibah ruqba, which differs from the original approach of absolute hibah, is a matter of necessity and benefits. Aside from observing its application in Malaysia, there is also the question of what the primary goal of the obligation to hibah ruqba is. Thus, the goal of this essay is to learn about the practise of hibah products based on ruqba conditions in Malaysia, as well as the maqasid syariah in the necessity of hibah ruqba. This qualitative study employs a content analysis methodology based on fiqh, maqasid syariah, and case reports from the Syariah Court. The study showed there are maqasid syariah in the obligation of hibah based on ruqba requirements, particularly in the ruqba hibah benefits provided by Malaysian property planning and management firms. The primary goal of this hibah ruqba is to protect the grantor's rights and interests as a property owner in directing the flow of property toward benefit, as well as to preserve and plan his property so that it can be used for welfare. As a result, understanding the maqasid syariah in the necessity of hibah ruqba can provide instructions to the community who wish to apply hibah ruqba in planning and managing their property, as well as companies that offer hibah ruqba products that follow with Sharia and today's needs.

KEYWORDS

Hibah ruqba, Maqasid Syariah, Syarak objectives, hibah products, property management company

Article History

Received: August 16, 2022
Revised: September 27, 2022
Accepted: September 29, 2022
Published: December 15, 2022

Contact

Noor Lizza Mohamed Said
(Corresponding Author)
lizza@ukm.edu.my

Citation

Nur Safina Mohd Sharif,
Noor Lizza Mohamed
Said. 2022. Maqasid
Syariah Dalam Keharusan
Hibah Ruqba. *Journal of
Contemporary Islamic
Law*. 7(2): 96-105.

Copyright

© 2022 by the
author(s)



This work is licensed
under a Creative
Commons Attribution-
NonCommercial 4.0
International License.
(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENDAHULUAN

Pemberian hibah merupakan salah satu amalan sunat yang sangat dituntut dalam Islam kerana konsepnya yang bersifat tolong-menolong dan memberikan harta secara sukarela yang berkuat kuasa semasa hidup. Secara umumnya, hibah terbahagi kepada dua jenis iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat. Hibah bersyarat pula dibahagikan kepada tiga jenis iaitu hibah dengan syarat balasan atau gantian, hibah dengan syarat *umra'* dan hibah dengan syarat *ruqba*. Dalam artikel ini, penulis hanya memfokuskan dengan lebih mendalam mengenai hibah *ruqba* sahaja.

Di Malaysia, hibah merupakan salah satu produk yang semakin berkembang maju dalam industri yang digunakan sebagai salah satu instrumen perancangan dan pengurusan harta orang Islam. Ia juga merupakan salah satu instrumen yang paling relevan dalam menangani masalah berkaitan harta pusaka orang Islam termasuklah peningkatan harta beku yang mencecah 90 billion ini (Anon 2021). Konsep hibah yang bersandarkan syarat *ruqba* juga merupakan salah satu jenis hibah yang diguna pakai dan ditawarkan terutamanya dalam industri perancangan dan pengurusan harta di Malaysia seperti syarikat yang menawarkan produk hibah, akaun bersama tabung unit amanah, hibah manfaat takaful dan antara keluarga terdekat melalui dokumen pengisytiharan hibah.

Namun begitu, para sarjana terdahulu mahupun terkini masih berselisih pendapat mengenai hukum akad hibah *ruqba* disebabkan oleh kemasukan *ruqba* sebagai syarat dalam akad hibah. Majoriti berpendapat bahawa akad hibah adalah sah namun syarat *ruqba* dalam akad terbatal serta merta berasaskan prinsip bahawa akad hibah tidak boleh disandarkan dengan sesuatu syarat berhujah dengan hadith yang secara zahirnya melarang orang Islam daripada melakukan *ruqba*. Golongan minoriti pula berpendapat bahawa hibah yang meletakkan syarat *ruqba* adalah sah sama ada dari segi akadnya mahupun syaratnya. Menurut Noor Lizza (2015), akad hibah dengan syarat *ruqba* adalah sah sekiranya kedua-dua pihak yang berakad bersetuju dengan sukarela terhadap syarat yang dinyatakan, serta unsur *gharar* yang terdapat dalam syarat tersebut hendaklah diketahui oleh pihak-pihak yang berakad. Begitu juga dengan Nasrul Hisyam (2011) yang menyokong kenyataan tersebut dengan menyatakan bahawa akad hibah *ruqba* wajar diaplikasikan dalam instrumen perancangan dan pengurusan harta di Malaysia sebagaimana penerimaan hibah *ruqba* dalam hibah manfaat takaful. Akad hibah *ruqba* yang diamalkan pada masa kini berbeza dengan pada zaman Rasulullah SAW dan zaman Imam Mazhab. Keputusan hukum yang difatwakan hendaklah mengambil kira *uruf* atau adat tempatan, masa, keadaan dan tempat sesuatu masyarakat. Beliau juga menyatakan bahawa amalan hibah di syarikat amanah

di Malaysia menunjukkan kemasukan syarat *ruqba* dibuat secara jelas dan tanpa keraguan.

Unsur *gharar* yang terdapat dalam akad hibah *ruqba* merupakan faktor utama terjadinya perselisihan pendapat akad hibah ini (Nurul Syuhadah & Noor Lizza 2016; Nasrul Hisyam 2012). Perkara ini dijelaskan oleh Nasrul Hisyam (2012) yang menyatakan bahawa kewujudan unsur *gharar* dalam kontrak hibah dengan syarat *ruqba* adalah disebabkan oleh kemasukan syarat *ruqba* itu sendiri iaitu disyaratkan dengan kematian salah satu pihak yang berakad. Apabila pemberi hibah atau penerima hibah meninggal dunia, barulah pihak yang masih hidup boleh menguasai dan memiliki barang yang telah dihibahkan kepadanya sedangkan menunggu kematian salah satu pihak berakad itu merupakan penggantungan yang tidak pasti (Noor Lizza 2014).

Namun begitu, berdasarkan keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, mereka telah menerima pakai prinsip hibah *ruqba* sebagai asas Syariah dalam pelaksanaan borang akaun hibah terutamanya transaksi yang melibatkan akaun bersama tabung unit amanah lebih-lebih lagi akaun yang dipegang oleh orang Islam di Malaysia (Nurul Syuhadah 2018). Antara syarikat yang mengaplikasikan konsep hibah *ruqba* dalam salah satu produk perancangan dan pengurusan harta mereka ialah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN), CIMB Islamic Trustee, Bumiputra Commerce Trustee Bhd dan sebagainya yang melibatkan akaun bersama tabung unit amanah. Syarikat-syarikat tersebut bertindak sebagai pemegang amanah yang akan menguruskan dan mengagihkan harta-harta yang dihibahkan oleh pemberi hibah bagi pihak penerima hibah. Harta-harta tersebut kemudiannya hanya akan dipindah milik kepada penerima hibah setelah berlakunya sesuatu perkara seperti yang disyaratkan di dalam dokumen amanah (*trust deed*).

Selain itu, selepas Islamic Financial Services Act (ISFA) diperkenalkan pada tahun 2013, semua syarikat-syarikat Takaful di Malaysia telah menawarkan perkhidmatan hibah manfaat takaful yang terkenal dengan istilah "*hibah takaful*" sebagai salah satu produk mereka. Istilah "*hibah takaful*" merujuk kepada kaedah pengagihan harta pampasan takaful iaitu manfaat takaful kepada penama. Syarat yang ditetapkan dalam hibah manfaat takaful ialah penama hanya akan memiliki manfaat tersebut apabila peserta takaful meninggal dunia. Adalah jelas bahawa syarat yang ditetapkan ini menyerupai syarat *ruqba*, iaitu pemilikan manfaat harta hibah disyaratkan hanya dimiliki oleh salah satu pihak yang masih hidup bergantung kepada syarat yang dipersetujui. Amalan hibah *ruqba* juga sering digunakan dalam kalangan ahli keluarga terdekat melalui dokumen pengisytiharan hibah yang telah dibuat melalui khidmat dan produk yang ditawarkan oleh firma

guaman dan syarikat-syarikat perancangan dan pengurusan harta orang Islam di Malaysia.

Walaupun terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan para sarjana terdahulu mahupun terkini dalam kesahan akad hibah yang meletakkan syarat *ruqba*, ia tetap menjadi satu amalan masyarakat dan industri di Malaysia disebabkan oleh kepentingan dan keperluannya yang lebih memberi kemaslahatan pada zaman sekarang. Justeru, artikel ini akan membincangkan berkaitan pengamalan produk hibah yang bersandarkan syarat *ruqba* di Malaysia di samping mengetahui *maqasid syariah* dalam keharusan hibah *ruqba*. Oleh yang demikian, dengan mengetahui *maqasid* keharusan hibah *ruqba*, ia dapat memberi garis panduan kepada masyarakat yang ingin mengaplikasikan hibah *ruqba* dalam merancang dan mengurus harta mereka serta syarikat-syarikat yang menawarkan produk hibah *ruqba* agar selari dengan kehendak Syarak dan keperluan masa kini.

KONSEP HIBAH RUQBA

Hibah *ruqba* terdiri daripada dua patah perkataan yang digabungkan menjadi satu maksud. Hibah merupakan perkataan bahasa Arab “*wahaba*” yang membawa maksud pemberian tanpa mengharapkan apa-apa balasan (Sayyid Saabiq 1983). Hibah dari segi istilah syarak pula ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik ain harta sama ada harta alih ataupun harta tidak alih oleh seseorang kepada seseorang yang lain semasa hidup secara sukarela tanpa mengharapkan apa-apa balasan (*iwad*) dengan menggunakan lafaz ijab dan qabul serta wujudnya *qabd*. Perkataan *ruqba* berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu “*arqaba*” yang membawa maksud “menunggu”. Firman Allah SWT dalam surah ad-Dukhan ayat 59 telah menafsirkan *irtiqab* dengan makna “menunggu”:

فَارْتَقِبْ إِنَّهُمْ مُرْتَقِبُونَ

Maksudnya: Maka tunggulah; sesungguhnya mereka itu menunggu (pula).

Oleh itu, dapat difahami bahawa hibah ini dinamakan hibah *ruqba* kerana setiap seorang daripada kedua pihak saling menunggu-nunggu kematian pihak yang satu lagi untuk memastikan harta yang dihibah (*mawhub*) menjadi hak miliknya. Oleh yang demikian, dapat kita simpulkan bahawa hibah *ruqba* ialah pemberian harta hibah yang meletakkan syarat antara kedua belah pihak iaitu antara pemberi dan penerima hibah yang bersandarkan kepada kematian salah seorang daripada pihak yang berakad. Dalam erti kata lain, harta yang dihibah akan kekal menjadi milik penerima hibah sekiranya pemberi hibah meninggal dunia dahulu, manakala harta tersebut akan kembali menjadi milik pemberi hibah sekiranya penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu. Contoh lafaz ayat bagi akad hibah *ruqba* ialah, “*Jika aku mati sebelum kamu, harta ini menjadi milik*

kamu dan sekiranya kamu mati dahulu sebelum aku harta ini menjadi milik aku”.

Berdasarkan konsep akad hibah *ruqba*, penerimaan dan pemilikan barang (*qabd*) berlaku selepas kematian salah seorang antara pemberi dan penerima hibah berbeza dengan akad hibah yang lain dalam menjadikannya sebagai akad hibah yang sah. Namun begitu, penulis berpendapat bahawa akad hibah *ruqba* adalah selari dengan syarat *ruqba* yang dipersetujui antara pihak yang berakad dalam akad yang dibuat yang menjadikan penerimaan barang (*qabd*) boleh berlaku dan diterima pakai selepas berlakunya kematian salah satu pihak yang berakad berdasarkan kepada keperluan semasa masyarakat, serta demi menjaga kemaslahatan umat Islam pada hari ini.

Terdapat perbezaan dalam menguatkuasakan hibah yang meletakkan syarat *ruqba* dalam kalangan para ulama fiqh (Ibn Qudamah t.th.). Secara umumnya sebahagian besar ahli fiqh berpegang bahawa akad hibah *ruqba* adalah hibah yang sah. Cuma perselisihan pendapat dalam kalangan mereka adalah sama ada syarat *ruqba* tersebut boleh dikuatkuasakan ataupun terbatal serta merta. Namun begitu, terdapat juga sebilangan kecil ahli fiqh yang berpendapat bahawa hibah yang meletakkan syarat *ruqba* terbatal serta merta sama ada dari segi akad hibah mahupun syaratnya. Pendapat ini adalah berdasarkan *qawl qadim* Imam Syafie, Abu Hanifah, Imam Malik, al-Hasan, al-Sharbini dan al-Thawri (Ibn Qudamah t.th.; al-Khatib 2003; Ibn Rushd 2012). Menurut Abu Hanifah dan Muhammad, hibah *ruqba* adalah akad pinjaman. Maka pemilikan secara akad pinjaman adalah tidak sah. Menurut al-Kasani pula, pemilikan dengan syarat kematian salah seorang daripada dua pihak yang berakad menyebabkan wujudnya unsur-unsur *gharar* dalam akad ini. Meletakkan syarat *ruqba* dengan sendirinya bermaksud pemberi hibah telah menggantungkan pemberiannya dengan perkara yang kewujudannya tidak dapat dipastikan. Oleh kerana pemilikan tidak boleh digantung (*ta'liq*) dengan perkara-perkara yang tidak pasti, maka akad hibah dengan syarat *ruqba* adalah tidak sah. Pendapat ini adalah bertepatan dengan hadith Rasulullah SAW yang mengharuskan hibah *umra'* dan membatalkan hibah yang meletakkan syarat *ruqba*. Walau bagaimanapun, Ibn Qudamah mengkritik pendapat ini dengan menyatakan bahawa hadith ini tidak diketahui dan tidak selamat (Ibn Qudamah t.th.).

Manakala, *qawl jadid* Imam Syafie (Imam Nawawi), Mazhab Hanbali dan juga Abu Yusuf daripada Mazhab Hanafi berpendapat bahawa hibah *ruqba* adalah hibah yang sah. Harta yang dihibahkan akan menjadi milik penerima hibah dan tidak akan kembali kepada pemberi hibah *ruqba* ini, hanya syaratnya sahaja yang tidak sah dan terbatal serta merta (Ibn Qudamah t.th.; al-Ramli 1993; al-Shawkani 2000; al-Syafi'i 2001). Pendapat ini berdasarkan hadith:

لا عمرى و لا رقى فمن أعمر شيئا أو أرقبه فهو له
حياته و مماته

Maksudnya: Janganlah kamu memberi secara 'umra dan ruqba, sesiapa yang memberi sesuatu secara 'umra atau ruqba maka itu akan menjadi miliknya sewaktu hidup dan mati (al-Albani, Kitab al-'Umra, no. hadis 3735)

لا رقى فمن أرقب شيئا، فهو سبيل الميراث

Maksudnya: Tiada ruqba, barang siapa membuat ruqba sesuatu harta, maka harta itu adalah jalan kepada pewarisan. HR Ibn 'Umar dan Jabir RA (al-Albani, Kitab al-Hibah, no. hadis 3710)

Berdasarkan hadith-hadith tersebut, mereka berpendapat bahawa hibah yang meletakkan syarat ruqba adalah sah dari segi akadnya, namun syarat ruqba tersebut terbatal serta merta, maka harta yang dihibah kekal menjadi milik penerima hibah atau waris-warisnya (sekiranya penerima hibah meninggal dunia) dan tidak boleh dipulangkan semula kepada pemberi hibah walaupun penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu. Manakala, berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar dan Jabir RA tersebut, al-Zuhri mentafsirkan bahawa hibah dengan syarat ruqba adalah sah sebagai wasiat, maka penguatkuasaan tersebut hendaklah mengikut hukum wasiat (Ibn Qudamah t.th.).

Terdapat juga pendapat ahli fiqh yang mengharuskan hibah yang meletakkan syarat ruqba sama ada dari segi akadnya mahupun syaratnya. Pendapat ini adalah daripada al-Suyuti di dalam syarah Sunan al-Nasai, al-Qasim bin Muhammad dan Ibn al-A'rabī (al Sindi t.th.; Noor Lizza 2015; Nurul Syahirah et.al 2017). Al-Suyuti menerangkan bahawa larangan yang dinyatakan di dalam hadith-hadith mengenai hibah ruqba bukan bermaksud larangan secara mutlak, akan tetapi ia bermaksud "tidak sewajarnya" dilakukan ruqba demi menjaga kepentingan pemberi hibah kerana pemberi hibah tetap tidak boleh menarik balik harta yang telah dihibahkan kepada penerima hibah seperti yang telah ditetapkan menurut kaedah umum (al-Sindi t.th.). Menurut al-Qasim bin Muhammad pula, setiap manusia hendaklah berpegang kepada syarat yang telah ditetapkan dalam urusan harta dan pemberian. Oleh itu, setiap syarat yang terdapat dalam akad mestilah ditunaikan kerana syarat tersebut telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

KONSEP MAQASID SYARIAH

Maqasid syariah terdiri daripada dua patah perkataan yang digabungkan menjadi satu maksud. *Maqasid* berasal daripada perkataan "*qasada*" yang membawa makna jalan yang lurus atau jelas, pertengahan atau tidak melampau, pergantungan, mendatangi sesuatu, berterusan serta adil dan seimbang (al-Zabidi t.th.). *Maqasid* juga membawa maksud sesuatu yang berkaitan dengan niat dan kita berkehendak

kepadanya dari sudut perkataan dan perbuatan (al-Raisuni 2010). *Syariah* pula dari sudut bahasa berasal daripada kata dasar *syaraa'* yang membawa makna agama, *manhaj*, jalan dan secara zahirnya seperti sumber air yang tidak terputus, tempat sumber air yang menjadi minuman manusia serta haiwan ternakan (Ibn Manzur 1993).

Perbincangan idea-idea ilmu *maqasid syariah* telah lama dibincangkan oleh para ulama' Islam terdahulu walaupun mereka tidak mendefinisikan secara khusus mengenai ilmu ini seperti ilmu-ilmu yang lain. Menurut al-Raisuni (2010), hal ini demikian berkemungkinan kerana tiada keperluan dalam meletakkan satu definisi khusus pada ketika itu. Namun begitu, al-Yubiy (1998) menjelaskan bahawa usaha-usaha dalam mendefinisikan *maqasid syariah* agar menjadi satu maksud yang khusus telah mula diasaskan oleh para sarjana yang terkemudian sezaman dengan Muhammad al-Tahir bin 'Ashur, 'Allal al-Fasi dan generasi-generasi fuqaha selepas zaman mereka. Perkara ini selari dengan perkembangan disiplin dan metodologi penyelidikan hukum fiqh semasa. Oleh itu, *Maqasid syariah* ditakrifkan sebagai tujuan-tujuan yang terdapat di sebalik syariat yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk merealisasikan kemaslahatan manusia (al-Raisuni 2010). *Maqasid syariah* juga didefinisikan sebagai sesuatu makna dan matlamat yang diperhatikan di sebalik sebahagian atau kebanyakan hukum syarak yang dimaksudkan sebagai objektif syariah dan hikmah yang Allah SWT telah letak pada setiap hukum hakam yang terdapat dalam syariah (al-Zuhaily 2017). Manakala, menurut Imam al-Ghazali, beliau mendefinisikan *maqasid syariah* sebagai masalah yang mengambil manfaat dan menolak keburukan. Perkara ini sememangnya menjadi tujuan umat manusia di samping bertujuan untuk memelihara lima perkara asas manusia *usul al-khams* (al-Zarqa 1998).

'Allal al-Fasi (1993) pula mentakrifkan *maqasid syariah* sebagai tujuan dan rahsia yang telah ditetapkan oleh Allah dalam sesuatu hukum Syarak. Oleh itu, dapat kita simpulkan daripada definisi-definisi yang telah dicadangkan oleh para ulama' Islam, *maqasid syariah* ialah objektif-objektif syarak di sebalik sesuatu pensyariatan, yang mana tujuan sesuatu pensyariatan adalah untuk merealisasikan objektif-objektif tersebut demi kebaikan (*maslahah*) manusia serta mengelakkan kemudaratan (*mafsadah*) sama ada secara umum mahupun khusus. Umumnya, objektif utama *syariah* ialah untuk memelihara kemaslahatan manusia serta mengelakkan kemudaratan berdasarkan nas-nas syarak yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Menurut Imam Shatibi (2013), *maqasid syariah* terbahagi kepada tiga kategori iaitu *daruriyyat* (asas), *hajiyyat* (keperluan) dan *tahsiniyyat* (pelengkap) yang mana ketiga-tiga kategori tersebut saling berkait rapat dengan lima aspek utama *maqasid syariah* iaitu pemeliharaan agama, diri, akal, keturunan dan harta. Imam Ghazali

juga telah mengeluarkan istilah *al-daruriyyat al-khams* dalam pembahagian *maqasid syariah* ini dengan menyatakan bahawa tujuan syariat itu ada lima, iaitu; untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka. *Al-daruriyyat al-khams* ini disokong oleh Imam Shatibi yang menyatakan bahawa “ummah telah bersepakat bahawa syari’at diturunkan untuk menjaga *al-dharuriyyat al-khams*, iaitu; agama, nyawa, keturunan, harta dan akal”.

‘Allal al-Fasi (1993) juga telah membahagikan *maqasid* kepada dua iaitu *maqasid umum (ammah)* dan *maqasid khusus (khassah)*. Menurut Ibn A’shur pula, *maqasid umum* ditakrifkan sebagai makna-makna dan hikmah-hikmah yang diperhatikan dari Allah pada setiap perkara yang disyariatkan atau sebahagian besar daripada (al-Tahir 2011). Sebagai contoh *maqasid umum* ialah *maqsad* memudahkan dan tidak menyukarkan, *maqsad* menjaga sistem kehidupan manusia supaya teratur dan *maqsad* manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini (Uqlah 1991). Manakala *maqasid khusus* ialah rahsia di sebalik sekelompok hukum secara khusus. Al-Raisuni (2010) mengatakan bahawa maksud yang khusus ini ialah matlamat yang mahu dihasilkan oleh syariat Islam pada setiap satu bab yang tertentu dalam persoalan hukum fiqh. Sebagai contoh, tujuan Syarak berkaitan dengan harta, kekeluargaan dan setiap hukuman pada perbuatan tertentu yang telah disyariatkan. Setiap kelompok hukum tersebut mempunyai objektif dan tujuannya yang tersendiri dalam memberi kemaslahatan serta menolak kemudaratan kepada manusia.

Maqasid juz’iyyah pula ialah objektif dan tujuan atau matlamat yang terdapat dalam setiap hukum syarak yang telah disyariatkan secara satu persatu dan khusus. Sebagai contoh, tujuan bagi pengharaman arak ialah kerana arak memabukkan dan boleh merosakkan akal fikiran, tujuan bagi kontrak gadaian (*al-rahm*) adalah sebagai jaminan ketika berhutang (al-Raisuni 1995). Setiap satu hukum ini mempunyai objektif dan tujuannya yang tersendiri yang ingin dicapai. Jenis *maqasid* ini juga dikenali sebagai hikmah, rahsia syarak dan *illah*. *Maqasid juz’iyyah* ini kebanyakannya digunakan oleh Ulama’ fiqh dalam menganalisis setiap hukum yang ditetapkan untuk mengetahui matlamat syariat apabila Islam mensyariatkannya.

AMALAN HIBAH *RUQBA* DI MALAYSIA

Di Malaysia, pengaplikasian hibah yang meletakkan syarat *ruqba* telah digunapakai secara meluas oleh rakyat Malaysia serta dijadikan sebagai salah satu produk perancangan dan pengurusan harta orang Islam dalam syarikat-syarikat ternama. Walau bagaimanapun, penggunaan perkataan “*hibah ruqba*” amat jarang digunakan di Malaysia dan hanya disebut sebagai “hibah bersyarat” sahaja walaupun konsep yang digunakan dalam akad tersebut menyerupai hibah *ruqba* iaitu hibah yang mensyaratkan kematian

salah satu pihak yang berakad. Oleh yang demikian, penggunaan istilah hibah *ruqba* amat jarang sekali dalam kalangan rakyat Malaysia. Namun, bagi pakar-pakar hibah, istilah hibah *ruqba* adalah sangat sinonim dalam dunia mereka.

Hibah *ruqba* kebanyakannya melibatkan akaun bersama tabung unit amanah, hibah manfaat takaful, dan antara keluarga terdekat berdasarkan dokumen pengisytiharan hibah yang dibuat mahupun secara lisan. Antara syarikat yang mengamalkan konsep hibah *ruqba* dalam akaun bersama tabung unit amanah yang dijadikan sebagai salah satu produk perancangan dan pengurusan harta mereka ialah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN), CIMB Islamic Trustee, Bumiputra Commerce Trustee Bhd, as-Salihin Trustee Berhad dan sebagainya yang melibatkan akaun bersama tabung unit amanah. Syarikat-syarikat tersebut bertindak sebagai pemegang amanah yang akan menguruskan harta-harta yang dihibahkan oleh pemberi hibah kepada penerima hibah dengan mensyaratkan pemindahan harta hanya akan berlaku selepas pemberi hibah meninggal dunia. Harta-harta tersebut kemudiannya hanya akan dipindah milik kepada penerima hibah setelah berlakunya sesuatu perkara seperti yang disyaratkan dalam dokumen amanah (*trust deed*). Perkara ini dapat dibuktikan apabila terdapat kes yang dibicarakan pada tahun 2020 yang melibatkan akaun bersama tabung unit amanah iaitu pegangan Pelaburan Unit Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan simpanan Lembaga Tabung Haji dalam kes *Umi Kalshom binti Hussin lwn Azizah binti Hussain* (05200-044-0272-2020). Hakim dalam kes ini iaitu Yang Arif Abdul Halim bin Hj. Muhammad telah mengesahkan dan meluluskan hibah yang dibuat oleh Puan Umi Kalshom. Beliau mendapati bahawa akad hibah yang dipersetujui adalah berkait dengan kematian salah satu pihak yang berakad. Walaupun dalam akad ini tidak dinyatakan penggunaan syarat *ruqba* namun penguatkuasaan dan pemilikan hibah selepas kematian adalah menyerupai konsep hibah *ruqba*. Kelulusan kes ini adalah selari dengan merujuk keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti edisi kedua halaman 141 yang mengharuskan hibah *ruqba* dalam Pelaksanaan Borang Akuan Hibah untuk transaksi yang melibatkan akaun bersama Tabung Unit Amanah bagi akaun yang dipegang oleh orang Islam (Nurul Syuhadah & Noor Lizza 2016).

Selain itu, selepas Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) diperkenalkan pada tahun 2013, semua syarikat-syarikat Takaful di Malaysia telah menawarkan perkhidmatan hibah manfaat takaful yang terkenal dengan istilah “*hibah takaful*” sebagai salah satu produk mereka. Akta ini juga melindungi keluarga yang terkesan di mana syarikat takaful wajib membayar pampasan dalam masa paling lama 60 hari. Istilah “*hibah takaful*” merujuk kepada kaedah pengagihan harta pampasan takaful iaitu manfaat takaful kepada waris di mana perjanjian hibah

dilakukan ketika pemberi masih hidup. Syarat yang ditetapkan dalam hibah manfaat takaful ialah penama hanya akan memiliki manfaat tersebut secara terus apabila peserta takaful meninggal dunia. Namun sekiranya, peserta takaful masih hidup ketika berakhirnya tempoh matang, sijil takaful tersebut akan menjadi milik peserta dan bukannya penama. Penama yang dinamakan dalam borang takaful adalah penerima mutlak harta pampasan iaitu manfaat takaful. Oleh itu, harta tersebut hendaklah diberikan kepada penama yang dinamakan dan ia tidak boleh tertakluk kepada hukum faraid walaupun selepas kematian pemberi harta. Namun sekiranya berlaku kematian penama sebelum kematian peserta dan tiada penamaan baru, hibah tersebut akan dikembalikan kepada peserta kerana ketiadaan penerima. Adalah jelas bahawa syarat yang ditetapkan ini menyerupai syarat *ruqba*, iaitu pemilikan manfaat harta hibah disyaratkan hanya dimiliki oleh salah satu pihak yang masih hidup bergantung kepada syarat yang dipersetujui. Keharusan ini diperoleh melalui keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dalam mesyuarat kali ke-34 pada 21 April 2003 (19 Safar 1424) dalam perkara hibah dalam industri takaful khususnya yang berkaitan dengan hibah manfaat takaful yang mengharuskannya selagi ia adalah hak yang dimiliki oleh peserta takaful.

Amalan hibah *ruqba* juga sering digunakan dalam kalangan ahli keluarga terdekat melalui dokumen pengisytiharan hibah yang telah dibuat melalui khidmat dan produk yang ditawarkan oleh firma guaman mahupun syarikat-syarikat perancangan dan pengurusan harta orang Islam di Malaysia. Perkara ini dapat dibuktikan apabila terdapat kes hibah *ruqba* yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam yang disediakan oleh Wasiyyah Shoppe Sdn Bhd iaitu dalam kes *Zailani bin Mahmud lwn Robingah binti Mahmud dan 6 defendan yang lain* (10100-044-0295-2016). Dalam kes ini, Almarhumah Asmah, ibu kepada Plaintiff telah membuat dokumen pengisytiharan hibah yang disediakan oleh Wasiyyah Shoppe Sdn Bhd yang telah dibuat ketika si mati masih hidup iaitu pada 15 April 2009 secara bertulis. Mahkamah mendapati bahawa akad hibah yang dipersetujui adalah berkait dengan kematian salah satu pihak yang berakad dan telah mengesahkan akad hibah yang telah dibuat oleh si mati pada 4 Oktober 2016 adalah sah menurut Hukum Syarak. Selain itu, terdapat juga kes lain antara keluarga terdekat berdasarkan dokumen pengisytiharan hibah yang dibuat oleh syarikat perancangan harta, merujuk kepada kes *Rosni binti Hassan lwn Ali bin Mu'in dan 4 defendan yang lain* (05100-044-0571-2020) yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban. Dalam kes ini, Puan Rosni telah membuat dokumen pengisytiharan harta. Dalam dokumen tersebut, beliau telah memberikan hibah kepada suami dan anak-anak kandungnya dengan meletakkan syarat bahawa harta akan dikembalikan semula kepada pemberi hibah

sekiranya penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu. Hakim Syarie dalam kes ini iaitu Yang Arif Tuan Kamal Bashah bin Dato' Ahmad Tajuddin telah mengesahkan bahawa akad serta syarat yang dipersetujui adalah sah menurut Hukum Syarak dan diguna pakai.

PENJAGAAN AL-KULLIYAT AL-KHAMS DALAM HIBAH RUQBA

Maqasid syariah yang dijelaskan dalam Islam adalah bagi menjamin dan memelihara kemaslahatan manusia serta mengelakkan kemudaratan dalam menitikberatkan lima keperluan asasi manusia iaitu demi memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta. Setiap lima aspek tersebut, ia boleh dikategorikan sebagai *daruriyyat*, *hajjiyyat* ataupun *tahsiniyyat* bergantung kepada keadaan serta situasi semasa bagi mereka yang melaksanakan sesuatu perkara.

Dalam konteks *maqsad* menjaga agama, penjagaan akidah umat Islam adalah sangat penting. Oleh itu, setiap perkara yang merosakkan akidah umat Islam sewajarnya dielakkan kerana perkara tersebut sekaligus akan merosakkan agama Islam itu sendiri. Bagi pengaplikasian hibah *ruqba*, kita dapat memelihara agama dengan cara menggunakannya sebagai salah satu instrumen perancangan dan pengurusan harta orang Islam agar dapat mengelakkan daripada berlakunya orang Islam memakan harta secara batil dan haram yang boleh merosakkan akidah mereka. Apabila pemberi hibah telah merancang dengan teliti setiap satu keberadaan hartanya terutamanya selepas kematiannya kelak, maka secara tidak langsung perkara ini dapat mengelakkan daripada berlakunya orang yang tidak sepatutnya mengambil dan menggunakan harta tersebut secara haram. Hal ini kerana, setiap makanan yang masuk ke dalam perut orang Islam yang menggunakan harta secara batil adalah haram. Allah SWT juga melarang dan mengancam orang Islam yang memakan harta secara batil. Sekiranya dengan tidak mengaplikasikan konsep hibah yang meletakkan syarat *ruqba*, boleh mengakibatkan akidah seseorang rosak dengan cara memakan harta secara batil, maka ia boleh dikategorikan sebagai *daruriyyat* dalam martabat *maqasid syariah*.

Manakala, dari sudut pemeliharaan nyawa atau jiwa, pengaplikasian hibah *ruqba* juga bertujuan agar pemberi hibah tidak hilang haknya dalam menguasai dan memanfaatkan harta miliknya semasa hidupnya, serta terputus pemilikan harta miliknya hanya selepas pemberi hibah meninggal dunia sahaja. Perkara ini adalah penting dalam menjaga kepentingan dan keamanan pemberi hibah itu sendiri sebagai pemilik harta lebih-lebih lagi semasa hidupnya dalam mengelakkan kemudaratan seperti pengkhianatan penerima hibah yang menyebabkan kesesakan dan kemusnahan hidup pemberi hibah. Selain itu, pemberi hibah merancang dan memberikan harta kepada

mereka yang lebih memerlukan untuk meneruskan hidup juga adalah salah satu tujuan pensyariatannya. Apabila pemberi hibah memberi harta kepada orang fakir, orang miskin, Orang Kelainan Upaya (OKU) mahupun entiti yang sangat memerlukan, maka secara tidak langsung, harta tersebut dapat digunakan untuk mereka menampung keperluan dan meneruskan kehidupan seharian mereka. Dengan pemberian hibah kepada mereka yang memerlukan, sedikit sebanyak manfaat harta tersebut dapat memelihara dan menjaga diri serta nyawa mereka daripada perkara yang memudaratkan seperti mereka kelaparan atau cuba untuk membunuh diri kerana kesesakan hidup sehingga boleh meragut nyawa mereka. Oleh itu, sekiranya mengaplikasikan hibah *ruqba* dapat menghindarkan daripada kelakuan membunuh diri atau cubaan untuk membunuh diri kerana kesesakan hidup, maka perkara ini boleh dikategorikan sebagai *daruriyyat*. Martabat ini akan berkurang tahapnya kepada *hajiyyat* sekiranya manfaat pemberian hibah *ruqba* digunakan untuk menampung keperluan dan meneruskan kehidupan bagi mereka yang memerlukan.

Hibah *ruqba* juga dapat merealisasikan *maqsad* penjagaan akal dengan cara menghibahkan harta kepada anak-anak serta ahli keluarga terdekat sebagai dana pendidikan agar mereka dapat menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi selepas kematian pemberi hibah. Hal ini kerana, apabila pemberi hibah menghibahkan harta mereka kepada anak-anak serta ahli keluarga, sekaligus harta tersebut dapat memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan dalam menuntut, menyampaikan serta mengembangkan ilmu agar menjadi seorang yang berakal dan berpengetahuan sekaligus dapat memberi manfaat kepada umat Islam yang lain. Oleh itu, amalan hibah yang meletakkan syarat *ruqba* dihibahkan kepada anak-anak agar mereka dapat menuntut ilmu merupakan perkara *hajiyyat* dalam martabat *maqasid syariah*. Hal ini kerana, keperluan asas anak-anak iaitu pelajaran merupakan salah satu tanggungjawab yang wajib ditunaikan oleh ibu bapa.

Selain menghibahkan harta kepada anak-anak serta ahli keluarga sebagai dana pendidikan, kebanyakan pemberi hibah akan menggunakan konsep hibah *ruqba* untuk menghibahkan hartanya kepada keluarga terdekat dan keturunannya. Perkara inilah yang membawa kepada *maqsad* penjagaan keturunan serta mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama ahli keluarga. Hal ini demikian apabila pemberi hibah menghibahkan hartanya kepada ahli keluarga yang fakir atau miskin, yang memerlukan bantuan untuk meneruskan kehidupan, serta yang tidak mendapat harta pusaka sehingga boleh menyebabkan berlakunya perebutan harta dan pergaduhan sesama ahli keluarga selepas berlaku kematian pemberi hibah. Dalam kes seperti ini, hibah *ruqba* memainkan peranan penting dalam membantu, menjaga serta memastikan nasib ahli keluarga yang memerlukan untuk menampung keperluan seharian

mereka. Oleh itu, nasib ahli keluarga dan waris akan terpelihara dan terjaga melalui bantuan harta yang diberikan. Justeru, pemberi hibah mestilah sedar dan mengenalpasti ahli-ahli keluarga yang memerlukan bantuan atau tidak mendapat bahagian dalam harta pusaka bagi memastikan kehidupan mereka lebih terjamin dengan bantuan yang diberikan sekaligus dapat merealisasikan *maqsad* penjagaan keturunan yang sangat ditekankan oleh Syarak. Jelaslah bahawa perkara ini boleh dikategorikan sebagai *tahsiniyyat* dalam memelihara dan menjaga nasib ahli keluarga dan waris melalui harta hibah yang diberikan.

Akhir sekali, *maqsad* utama pengaplikasian hibah *ruqba* adalah bagi penjagaan harta orang Islam dengan cara menjadikannya sebagai salah satu instrumen perancangan dan pengurusan harta bagi merancang dan mengagihkan harta ke arah kebaikan serta memelihara harta daripada sebarang *mafsadah*. Hal ini kerana, melalui konsep hibah *ruqba*, pemberi hibah seolah-olah telah membuat perancangan dengan teliti dan sempurna apabila mereka boleh merancang serta mengagihkan harta hibah kepada pihak yang dikehendakinya ketika dia hidup dengan menetapkan kadar yang dikehendakinya. Oleh itu, sekiranya pemberi hibah meninggal dunia terlebih dahulu, maka harta tersebut menjadi milik pihak yang dikehendakinya sahaja untuk memanfaatkan harta tersebut. Secara tidak langsung, dengan perancangan harta oleh pemilik harta, maka harta tersebut tidak jatuh ke tangan pihak yang salah sehingga berlaku penyalahgunaan harta ke arah kemudaratkan yang boleh membawa kepada kerosakan harta sehingga menghilangkan *maqsad* utama pelaksanaan hibah *ruqba*. Pemberi hibah juga tidak hilang haknya dalam memanfaatkan serta mendapatkan kembali harta tersebut sekiranya berlaku kematian penerima hibah terlebih dahulu daripadanya.

Amalan hibah *ruqba* boleh dikategorikan sebagai *daruriyyat* dalam martabat *maqasid syariah* sekiranya syarat *ruqba* tersebut adalah usaha dan jalan terakhir yang paling berkesan kerana tidak ada cara lain yang boleh digunakan untuk mengawal dan menjaga harta daripada kemudaratkan dan kerosakan dan hendaklah berada dalam keadaan yang betul-betul darurat sahaja. Martabat ini akan berkurang tahapnya kepada *hajiyyat* sekiranya pemberian hibah *ruqba* merupakan salah satu cara agar pemberi hibah tidak hilang haknya dalam menguasai dan memanfaatkan hartanya semasa hidup untuk keperluan dan kebaikan dirinya, serta keperluan kepada seseorang yang memerlukan harta seperti ahli keluarga kecil, fakir, miskin dan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mereka meneruskan hidup. Hal ini kerana, amalan hibah *ruqba* ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kesukaran dan kemudaratkan yang dihadapi oleh mereka yang memerlukan selain mengelakkan pemberi hibah hilang haknya terhadap harta yang dihibahkan sekiranya penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu. Manakala, amalan ini akan berkurang martabatnya kepada *tahsiniyyat* sekiranya harta yang

dihibahkan hanyalah untuk meringankan beban umat Islam serta ahli keluarga selain menyempurnakan lagi kehidupan mereka agar dapat menjalani kehidupan yang lebih selesa.

MAQASID SYARIAH DALAM KEHARUSAN HIBAH *RUQBA*

1. Pemberi hibah tidak hilang haknya dalam menguruskan hartanya sebagai pemilik harta.

Maqsad utama penggunaan hibah *ruqba* dari sudut pandang pemberi hibah ialah, ia boleh dijadikan sebagai salah satu inisiatif supaya pemberi hibah tidak hilang haknya dalam menguruskan dan menguasai hartanya mengikut kehendaknya semasa beliau masih hidup. Beliau juga masih boleh memanfaatkan hartanya untuk kepentingan dirinya semasa beliau masih hidup walaupun harta hibah telah diberikan kepada penerima hibah. Sekiranya penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu, pemberi hibah berhak untuk mendapatkan kembali harta yang dihibahkan tanpa perlu menjadi harta pusaka penerima hibah berdasarkan syarat *ruqba* yang dipersetujui antara kedua belah pihak. Oleh hal yang demikian, pemberi hibah juga boleh menukar nama kepada penerima hibah yang lain.

Sebagai contoh, sekiranya seorang suami memberikan sebuah rumah kepada isterinya berdasarkan syarat *ruqba* yang telah dipersetujui, namun si isteri telah meninggal dunia terlebih dahulu daripadanya. Maka, rumah tersebut akan kembali menjadi milik si suami tanpa perlu dijadikan harta pusaka isteri yang akan dibahagiakan secara faraid kepada waris-waris yang layak. Perkara ini sangat memberi *maslahah* kepada si suami untuk beliau menduduki rumah tersebut bersama anak-anaknya lebih-lebih lagi sekiranya rumah tersebut merupakan satu-satunya harta miliknya. Selain itu, si suami juga boleh menukar nama isterinya yang telah meninggal dunia kepada anak-anaknya agar masa depan anak-anaknya lebih terjamin.

2. Pemberi hibah berperanan dalam mengelakkan penyalahgunaan harta hibah semasa beliau masih hidup.

Pemberi hibah juga berperanan dalam memelihara hartanya dengan cara mengawal pengaliran dan keberadaan harta yang ingin dihibahkan agar dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya. Hal ini kerana, kemungkinan besar penerima hibah akan memberi kemudahan dan kerosakan kepada harta tersebut seperti mengabaikan atau menyalahgunakannya setelah harta tersebut menjadi milik penerima hibah sewaktu pemberi hibah masih hidup. Oleh itu, sebagai langkah berjaga-jaga, pemberi hibah boleh meletakkan syarat dalam dokumen pengisytiharan hibah yang dibuat agar harta hibah hanya akan diberikan kepada penerima hibah selepas kematian

pemberi hibah serta masih boleh menguasai dan menguruskan harta tersebut.

Perkara ini dapat memberi jaminan kepada pemberi hibah untuk menghibahkan hartanya kepada siapa pun yang dikehendaknya tanpa perlu risau akan penyalahgunaan harta miliknya kerana pemberi hibah masih tidak hilang haknya ke atas harta tersebut. Dengan cara ini, pemberi hibah juga tidak perlu risau sekiranya ingin menghibahkan keseluruhan hartanya kepada insan tersayang kerana harta tersebut hanya akan dimiliki oleh penerima hibah setelah pemberi hibah meninggal dunia sahaja. Namun sekiranya penerima hibah meninggal dunia dahulu, maka harta tersebut akan kembali menjadi milik pemberi hibah berdasarkan syarat yang dipersetujui antara kedua belah pihak dalam dokumen pengisytiharan hibah. Perkara ini juga dapat mengelakkan harta tersebut jatuh ke tangan mereka yang bukan ahlinya iaitu ahli waris penerima hibah. Secara tidak langsung, pemberi hibah juga boleh mendapatkan kembali harta tersebut kerana beliau masih mempunyai hak ke atas harta yang dihibahkan walaupun penerima hibah telah meninggal dunia terlebih dahulu berdasarkan syarat yang dipersetujui.

3. Pemberi hibah dapat mengagihkan harta kepada mereka yang lebih memerlukan.

Antara *maqsad* keharusan hibah *ruqba* ialah dapat memberi manfaat kepada mereka yang lebih memerlukan pada pandangan pemberi hibah dengan mengagihkan harta mengikut kehendaknya. Pemberi hibah seolah-olah telah membuat perancangan dengan teliti dan sempurna apabila mereka boleh merancang serta mengagihkan harta kepada pihak yang lebih memerlukan ketika beliau masih hidup dengan menetapkan kadar yang dikehendaknya. Oleh itu, sekiranya pemberi hibah meninggal dunia terlebih dahulu, maka harta tersebut akan terus menjadi milik pihak yang dikehendaknya sahaja untuk memanfaatkan harta tersebut. Secara tidak langsung, harta tersebut tidak akan jatuh ke tangan pihak yang salah sehingga berlaku penyelewengan harta yang boleh menghilangkan *maqsad* utama pelaksanaan hibah *ruqba*. Pemberi hibah juga berhak untuk menukar nama penerima hibah yang lain, sekiranya penerima hibah sedia kala telah meninggal dunia terlebih dahulu daripadanya.

Selain itu, dengan manfaat hibah takaful berupa wang besar yang dihibahkan kepada ahli waris yang lebih memerlukan seperti isteri yang tidak bekerja misalnya, ia boleh memberi jaminan kewangan sementara kepadanya untuk menyara diri dan anak-anak selepas berlaku kematian pemberi hibah secara mengejut. Hal ini kerana, dengan pengaplikasian hibah *ruqba* dalam hibah manfaat takaful, pemberi hibah seolah-olah telah menghibahkan wang tersebut kepada penerima hibah selepas kematiannya secara terus. Hal ini disebabkan oleh proses pengagihan harta secara hibah manfaat takaful adalah antara yang terpentas di Malaysia dalam pengurusan harta orang

Islam berbanding sistem-sistem yang lain yang lebih memakan masa yang agak lama serta memerlukan kos yang tinggi. Walaupun wang ringgit bukanlah segala-galanya untuk mereka setelah kematian pemberi hibah, tetapi segala-galanya memerlukan duit lebih-lebih lagi kepada mereka yang sepenuhnya bergantung hidup daripada pemberi hibah.

4. Mengelakkan perebutan harta selepas kematian

Melalui konsep hibah *ruqba* juga, pemberi hibah mempunyai hak untuk menghibahkan hartanya kepada waris mahupun bukan waris seperti anak angkat ataupun ibu bapa yang tidak beragama Islam. Oleh itu, nasib mereka juga akan lebih terjamin dan terpelihara kerana konsep pelaksanaannya yang lebih terbuka. Perkara ini juga dapat mengelakkan daripada berlakunya perebutan harta antara waris-waris dan bukan waris si mati kerana selepas kematian pemberi hibah, harta tersebut terus diagihkan berdasarkan kepada dokumen pengisytiharan hibah pemilik harta tanpa memerlukan persetujuan daripada waris-waris si mati. Begitu juga dengan konsep yang digunakan dalam hibah manfaat takaful iaitu, pampasan atau wang ringgit yang akan diterima adalah hak milik mutlak penerima hibah secara terus tanpa perlu mendapatkan keizinan daripada waris-waris si mati kerana perjanjian hibah manfaat takaful tidak boleh dipertikai kesahannya. Oleh itu, ahli waris si mati yang lain tidak boleh mempertikaikan harta yang diperolehi mahupun siapa yang memperoleh harta tersebut. Secara tidak langsung, perkara ini semestinya dapat mengelakkan persengketaan dan berlakunya perebutan harta antara ahli keluarga lain yang tidak tahu apa itu hibah, memandangkan penama atau penerima bagi hibah tersebut dilakukan oleh peserta ketika dia masih hidup dan waras secara sukarela.

5. Memudahkan dan menyegerakan pembahagian harta selepas kematian

Selain itu, antara *maqsad* keharusan pengamalan hibah yang meletakkan syarat *ruqba* bagi umat Islam ialah pembahagian dan pengurusan harta selepas berlaku kematian pemberi hibah akan lebih mudah dan cepat. Sekiranya pemberi hibah menggunakan konsep hibah *ruqba*, harta yang dihibah akan diberikan secara terus kepada penerima tanpa perlu melalui proses yang rumit dalam pembahagian harta. Adalah menjadi kemudaratan kepada umat Islam sekiranya harta tidak dapat diuruskan dengan sistematik serta menyukarkan waris. Situasi ini akan menyebabkan pengurusan harta orang yang telah meninggal dunia akan mengambil tempoh masa yang sangat lama untuk diagihkan serta memerlukan kos yang tinggi daripada waris.

Hal ini kerana, proses tuntutan harta memakan masa sehingga berbulan dan bertahun-tahun berbeza dengan proses pembahagian harta melalui hibah takaful misalnya yang boleh diuruskan dalam tempoh

7 hingga 60 hari. Secara tidak langsung, perkara ini boleh menyebabkan berlakunya penambahan harta pusaka beku iaitu harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati tetapi tidak dapat diuruskan pembahagiannya dengan sempurna dalam kalangan ahli waris dengan kaedah dan cara yang dibenarkan oleh syarak. Perkara inilah yang menyebabkan terkumpulnya harta pusaka beku sehingga RM90 bilion di Malaysia yang 90 peratus daripadanya adalah milik orang Melayu (Anon 2021). Harta pusaka yang ditinggalkan akan dibiarkan begitu sahaja. Tiada siapa yang bertanggungjawab untuk mengurus atau menjaganya. Masyarakat hari ini perlu lebih didedahkan cara pengagihan harta ketika hidup bagi mengelakkan risiko yang bakal timbul selepas kematian mereka. Perkara inilah yang menyebabkan harta tidak dapat digunakan dengan cara yang bermanfaat untuk membantu menjana ekonomi para ahli waris. Perancangan harta dan mengurus risiko adalah aspek yang wajib dilaksanakan oleh masyarakat di Malaysia. Berbeza sekiranya seseorang tidak membuat dokumen pengisytiharan hibah, harta miliknya akan menjadi harta pusaka dan dibahagikan mengikut faraid yang diketahui akan mengambil masa yang agak lama untuk menyelesaikan pembahagian tersebut kepada waris-warisnya.

6. Mengelakkan berlakunya masalah pembekuan harta yang tidak dituntut.

Antara *maqsad* keharusan hibah *ruqba* dalam produk perancangan dan pengurusan harta yang melibatkan akaun bersama tabung unit amanah seperti Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN), CIMB Islamic Trustee, Bumiputra Commerce Trustee Bhd ialah kemudahan pengeluaran harta dalam akaun bank selepas berlaku kematian pemberi hibah. Hal ini kerana, segala harta dan akaun bank si mati termasuk wang simpanan, Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan dibekukan secara automatik selepas berlaku kematian pemilik akaun sementara bagi melalui proses wasiat dan faraid sehinggalah ahli waris dapat mengemukakan segala dokumen-dokumen yang berkaitan sebagai bukti untuk mengeluarkan wang tersebut. Perkara inilah yang menyebabkan berlakunya proses pengeluaran wang ringgit yang lama, rumit dan melibatkan kos yang tinggi sehingga boleh menyukarkan ahli waris untuk menggunakan wang tersebut sebagai wang pengurusan jenazah, pembayaran hutang dan dana kecemasan selepas berlaku kematian pemilik akaun. Namun begitu, dengan adanya pengaplikasian hibah *ruqba* dalam akaun bersama tabung unit amanah, polisi dan akaun bank pemilik harta tidak akan dibekukan kerana penerima yang telah termaktub dalam polisi tersebut berhak untuk mendapatkan jumlah yang ditetapkan untuknya tanpa perlu melalui proses yang rumit. Perkara inilah yang menjadikannya sebagai salah satu instrumen yang terbaik bagi membolehkan penerima

harta mendapatkan harta dengan kadar yang segera untuk meneruskan hidup sementara waktu.

Selain itu, dengan wujudnya hibah manfaat takaful, penama yang termaktub dalam polisi hibah juga akan menerima wang dengan segera untuk meneruskan hidup sementara menunggu akaun bank yang dibekukan dapat dicairkan semula. Wang hibah tersebut akan menjadi sumber kewangan pantas yang boleh digunakan sebagai dana kecemasan untuk meneruskan kelangsungan hidup selepas kematian pemilik harta kerana segala harta dan akaun bank pemilik harta akan dibekukan sementara bagi urusan wasiat dan faraid. Kesimpulannya, hibah manfaat takaful sangat membantu dalam kelangsungan kehidupan dalam menjadikannya sebagai aset tunai segera untuk para waris selepas berlaku kematian supaya kebajikan dan perbelanjaan tidak terjejas.

7. Pemberi hibah dapat meringankan beban ahli keluarga yang ditinggalkan.

Pengamalan hibah *ruqba* juga penting dalam menjadikannya sebagai salah satu instrumen perancangan dan pengurusan harta orang Islam di Malaysia kerana boleh meringankan beban ahli keluarga yang ditinggalkan selepas berlaku kematian pemilik harta secara tiba-tiba. Lebih-lebih lagi sekiranya beliau merupakan tulang belakang ahli keluarga menyebabkan waris kehilangan punca pendapatan untuk perbelanjaan harian diri sendiri dan anak-anak. Perkara ini memberi kemudaratan kepada ahli waris yang ditinggalkan kerana mereka ketiadaan pendapatan sampingan untuk meneruskan hidup sementara waktu. Walaupun mereka boleh mencari pekerjaan tetapi untuk mendapatkan wang ringgit dalam masa yang singkat agak mustahil menyebabkan mereka terpaksa mengikat perut untuk kelangsungan hidup.

Meskipun wang ringgit tidak dapat menggantikan kehilangan yang tersayang, namun yang ditinggalkan memerlukan bantuan kewangan untuk meneruskan hidup. Dengan wujudnya konsep hibah *ruqba* dalam instrumen pengurusan harta orang Islam, dapatlah ahli waris menjalani kehidupan seperti biasa tanpa terbeban dengan masalah kewangan. Sekurang-kurangnya harta yang ditinggalkan boleh dijadikan pengganti gaji dan dana kecemasan untuk beberapa tahun sebelum dapat menjalani kehidupan yang stabil semula. Hal ini kerana, wang pampasan takaful misalnya akan diterima oleh penerima hibah dalam masa 7 hingga 30 hari sahaja berbanding proses perolehan harta pusaka yang mengambil masa antara 4 hingga 12 bulan bergantung kepada jenis harta sama ada harta alih atau harta tidak alih, serta kerjasama daripada semua waris yang terlibat (Anon t.th.). Dengan kaedah inilah yang sebenarnya dapat membantu dalam menyelesaikan banyak masalah pembahagian harta pusaka kerana kebanyakan isu masalah harta pusaka tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat adalah disebabkan oleh faktor kewangan, kurangnya ilmu pengurusan harta pusaka

dan juga berlakunya pertelingkahan dan perebutan harta dalam kalangan ahli waris.

8. Memanfaatkan harta sebagai dana pendidikan anak-anak

Apabila berlaku kematian, amatlah rugi bagi para ibu bapa yang meninggalkan anak-anak mereka dalam keadaan ketiadaan dana kecemasan terutamanya dana pendidikan untuk anak-anak sambung belajar ke peringkat yang lebih tinggi. Lebih-lebih lagi kos pendidikan yang semakin meningkat saban tahun memberi kesukaran kepada ibu bapa untuk menyediakan perbelanjaan pendidikan secukupnya. Anak-anak merupakan penyambung zuriat dan harta dunia akhirat bagi ibu bapa, bagi memastikan mereka mempunyai masa depan yang cerah, pendidikan adalah amat penting dalam kehidupan mereka selepas ketiadaan ibu bapa. Ketidadaan ibu atau bapa dan kesempitan kewangan bukan alasan untuk anak-anak gagal menghadapi masa depan yang cerah. Oleh itu, menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menyediakan pendidikan yang terbaik buat anak-anak terutamanya dalam mendapatkan pembelajaran yang selesa di sekolah dan peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di universiti ternama.

Di sinilah pentingnya pengaplikasian hibah *ruqba* dalam menjadikannya sebagai salah satu instrumen pengurusan harta orang Islam selepas berlaku kematian. Dengan konsep hibah *ruqba*, si pemberi dapat membahagikan hartanya mengikut kehendaknya kepada anak-anaknya untuk dijadikan sebagai dana pendidikan tanpa perlu mendapat keizinan daripada waris-warisan dan tidak memerlukan masa yang lama serta kos yang tinggi untuk pembahagian harta tersebut. Harta yang ditinggalkan akan memberi manfaat secukupnya kepada anak-anak untuk menyambung pelajaran dan meneruskan hidup walaupun selepas ketiadaan ibu atau bapa di sisi mereka.

Walaupun bagaimanapun, setiap satu kaedah perancangan dan pengurusan harta orang Islam yang telah disyariatkan oleh Syarak seperti wasiat, hibah, faraid dan wakaf mempunyai masalahnya yang tersendiri dalam mengaplikasikannya. Semestinya tujuan pensyariatan setiap satu daripadanya adalah untuk kemaslahatan umat Islam itu sendiri terutamanya bagi menjaga kemaslahatan ahli waris. Namun begitu, sebagai umat Islam, kita berhak untuk membuat pilihan yang difikirkan terbaik buat kemaslahatan diri dan keluarga kita. Oleh itu, kita berhak untuk memilih kaedah perancangan dan pengurusan harta yang mana paling relevan digunakan dalam memanfaatkan dan menyalurkan harta kita ke arah kebaikan. Hal ini kerana, setiap satu harta kita akan dihitung oleh Allah SWT, maka wajiblah ke atas kita untuk mengambil berat setiap keberadaan harta milik kita sama ada semasa hidup mahupun selepas kita meninggal dunia kelak.

KESIMPULAN

Perbezaan pandangan fuqaha dalam menentukan hukum hibah yang meletakkan syarat *ruqba* menjadi penyebab berlakunya kekeliruan dalam kalangan orang Islam di Malaysia untuk mengaplikasikan hibah *ruqba*. Namun setiap hukum yang dikeluarkan oleh setiap ahli fiqh semestinya mempunyai *maqasid* yang tersendiri dalam mengaplikasikan hukum yang bersesuaian dengan keperluan dan kepentingan semasa. Begitu juga dengan keputusan Hakim-hakim Syarie yang berbeza dalam mengesahkan kesahan hibah yang bersandarkan syarat *ruqba* disebabkan oleh ketiadaan undang-undang hibah yang khusus di Malaysia. Perbahasan mengenai hibah *ruqba* merupakan isu yang sangat penting untuk dibincangkan kerana penggunaan produk hibah yang bersandarkan kepada syarat *ruqba* semakin berkembang maju digunakan dan ditawarkan oleh syarikat-syarikat perancangan harta di Malaysia seperti Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN), CIMB Islamic Trustee, Bumiputra Commerce Trustee Bhd dan sebagainya yang melibatkan akaun bersama tabung unit amanah, semua syarikat-syarikat Takaful di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan hibah manfaat takaful yang terkenal dengan istilah “*hibah takaful*” serta amalan hibah *ruqba* yang digunakan dalam kalangan ahli keluarga terdekat melalui dokumen pengisytiharan hibah yang telah dibuat. Melihat kepada produk-produk hibah yang bersandarkan kepada syarat *ruqba* semakin banyak ditawarkan oleh syarikat-syarikat perancangan harta di Malaysia, maka rumusan yang dapat dibuat adalah konsep hibah *ruqba* sangat sesuai dan relevan digunakan di Malaysia melihat kepada kepentingan dan *maqasid syariahnya* yang tersendiri dalam menjadikannya sebagai salah satu instrumen perancangan dan pengurusan harta orang Islam. Antara *maqasid* utama akad hibah *ruqba* adalah bertujuan kepada pemberi hibah itu sendiri dalam menjamin hak dan kepentingannya sebagai pemilik harta dalam mengawal pengaliran harta ke arah kemaslahatan, selain memelihara, menjaga, merancang harta agar dapat digunakan ke arah kebajikan dan tolong-menolong antara satu sama lain lebih-lebih lagi kepada mereka yang memerlukan sejajar dengan matlamat dan kehendak Syarak. Perkara ini secara tidak langsung dapat membantu ke arah pembangunan ekonomi dan kewangan bagi mereka yang memerlukan berdasarkan kepada persetujuan pihak-pihak yang berakad bergantung kepada realiti semasa. Rentetan daripada itu, adalah penting bagi pengguna produk-produk hibah yang bersandarkan syarat *ruqba* untuk mengetahui dengan lebih mendalam apakah *maqasid syariah* dalam keharusan hibah *ruqba* bergantung kepada situasi dan keperluan setiap individu. Begitu juga dengan syarikat-syarikat yang menawarkan produk hibah *ruqba* sehingga ia boleh

dijadikan salah satu instrumen perancangan dan pengurusan harta orang Islam yang sangat efisien di Malaysia.

RUJUKAN

- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1998. *Sahih Sunan al-Nasa'i*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif lil Nashr wa al-Tawzi'.
- Anon. Amanah Raya Berhad. t.th. Soalan Lazim Pentadbiran Pusaka. <https://www.amanahraya.my/ms/pentadbiran-pusaka/soalan-lazim-pusaka/>
- Anon. Journal Malaysia. 2021. RM90b harta beku tidak dituntut. <https://www.journalmalaysia.com/2021/09/11/rm90b-harta-beku-tidak-dituntut/>
- al-Fasi, 'Allal. 1993. *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah wa Makarimuha*. Tunis: Dar al-Gharb al-Islamiy.
- Ibn Rushd, Abi al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Rushd al-Andalusi. 2012. *Sharh Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Manzur. 1993. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad. t.th. *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Khatib, Shamsuddin Muhammad bin Muhammad. 2003. *al-Iqna' fi Hal Alfaz Abi Shuja'*. Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. *Hibah dalam Undang-Undang Islam: Prinsip dan Amalan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2012. 'Umra Dan Ruqba: Analisis Mengenai Kesannya Terhadap Kontrak Hibah dan Potensinya sebagai Instrumen Agihan Harta. *Jurnal Syariah*, 20(1): 1-46.
- Noor Lizza binti Mohamed Said. 2014. Analisis fiqh terhadap undang-undang hibah dan wasiat di negara-negara Islam. Tesis Doktor Falsafah Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Lizza binti Mohamed Said. 2015. Hibah Umra dan Ruqba. Prosiding Seminar Hibah dalam Pengurusan Harta Islam.
- Nurul Syahirah Othman, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda & Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2017. Analisis Kes Amalan Hibah Bersyarat di Malaysia. *ISLAMIYYAT*, 39(2): 135-142.
- Nurul Syuhadah binti Azlan & Noor Lizza binti Mohamed Said. 2016. Keputusan Hakim Syarie Dalam Kes-Kes Pengesahan Hibah Ruqba. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(2): 91-102.
- Nurul Syuhadah binti Azalan. 2018. Penghakiman Hakim Syarie Dalam Kes Hibah Di Mahkamah

- Syariah. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Raisuni, Ahmad. 1995. *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Shatibi*. Riyadh: al-Dar al-'Alamiyyah li al-Kitab al-Islami.
- al-Raisuni, Ahmad. 2010. *Muhadharat fi Maqasid al-Shari'ah*. Dar al-Kalimah.
- al-Ramli, Muhammad Ibn Ahmad Ramli. 1993. *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Sayyid Saabiq. 1983. *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikri.
- al-Sindi, Abu al-Hasan Nur al-Din. t.th. *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti wa Hashiyat al-Sindi*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Shafi'i, Muhammad Bin Idris. 2001. *Al-Umm*. Mansurah: Dar al-Wafa'.
- al-Shatibi, Abi Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmy. 2013. *al-Muwafaqat*. Muassasah al-Risalah Nasyirun.
- al-Shawkani, Muhammad bin Ismail bin Muhammad. 2000. *Nayl al-Awtar*. Al-Mansurah: Maktabah al-Iman.
- al-Tahir, Muhammad. 2011. *Maqasid Al-Shariah Al-Islamiyah*. Beirut: Darul Kutub Al-Banani.
- Uqlah, Muhammad. 1991. *Al-Islam Maqasiduh wa Khasa'isuh*. Oman: Maktab al-Risalah al-Hadithah.
- al-Yubiy, Muhammad Sa'd bin Ahmad. 1998. *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah wa 'Ilaqatuha bi al-Adillah al-Shar'iyah*. Saudi Arabia: Dar al-Hijrah.
- al-Zabidi, Muhammad bin Abdul Razzaq. t.th. *Taj al-Urus min Jawahir al-Qamus*. Dar al-Hidayah.
- al-Zarqa, Mustafa Ahmad. 1998. *Madkhal al-Fiqh al-Am*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- al-Zuhaily, Wahbah Mustafa al-Zuhaily. 2017. *Mawsu'ah al-Fiqh al-Islami wa Qadaya al-Mu'asirah*. Dar al-Fikr.

KANDUNGAN / CONTENTS

Perubahan Status Tanah Adat di Negeri Sembilan Menurut Perspektif Islam <i>Change Status of Customary Land in Negeri Sembilan According to Islamic Perspective</i> Mat Noor Mat Zain, Nur Amirah Azaldin & Azlin Alisa Ahmad	1-10
Status Patuh Syariah E-Money Akaun Jenama E-Wallet Popular Di Malaysia <i>Sharia Compliant Status of E-Money in Popular Malaysian E-Wallet Account</i> Khairul Azmil Md Noor & Amir Fazlim Jusoh Yusoff	11-18
Transaksi Mikro Item Permainan Atas Talian Menurut Perspektif Islam <i>Micro Transactions of Online Gaming Items According to Sharia</i> Iffah Abd Razak, Amir Fazlim Jusoh Yusoff	19-27
Konsep Pemilikan dalam Pembiayaan Perumahan dan Kenderaan berasaskan akad Ijarah di Perbankan Islam serta Kesannya Kepada Akad Hibah <i>The Concept of Ownership in House and Vehicle Financing of Islamic Banking Based on Ijarah Contract and its Effect on Hibah</i> Mohammad Syafiq Shaifuddin, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	28-42
Sinergi Wakaf, Pendidikan dan Teknologi di Malaysia <i>The Synergy of Waqf, Education and Technology in Malaysia</i> Mohd Faizal Noor bin Ariffin, Mohammad Zaini bin Yahaya, Abdul Basir bin Mohamad, Amir Fazlim bin Jusoh Yusoff	43-53
Shari'ah Court's Decision and Respondent's View on Child Custody After Divorce in Kuala Lumpur and Selangor Akbar Kamarudin @ Abdul Shukor	54-65
Prakarsa Baitulmal dalam Menyantuni Tuntutan Harta Pusaka Mualaf oleh Waris Non Muslim Menerusi Pendekatan Siyāsah Shar'iyyah <i>Baitulmal Initiatives in Dealing With Muallaf Inheritance Claims by Non-Muslim Heirs According to Siyāsah Shari'iyyah</i> Sofiyah Mohd Suhaimin, Md Yazid Ahmad, Anwar Fakhri Omar	66-72
Perbandingan Kedudukan Haiwan Jallālah Menurut Pandangan Fuqaha Klasik dan Fatwa Semasa di Malaysia <i>Comparison of the Position of Jallālah Animals According to the Views of Classical Jurists and Current Fatwas in Malaysia</i> Kamarulzaman Mustappa, Muhammad Nazir Alias, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Sahilah Abd. Mutalib, Mohd Hafiz Safiai	73-85
Rawatan Fecal Microbiota Transplantation (FMT) Menurut Maqasid Syariah <i>Treatment of Faecal Microbiota Transplantation (FMT) Based on Maqasid Shariah</i> Nur Solihah Isa, Muhammad Nazir Alias, Mohd Al Adib Samuri, Mohd Sham Kamis	86-93
Maqasid Syariah Dalam Kecharusan Hibah Ruqba <i>Maqasid Syariah in The Necessity of Hibah Ruqba</i> Nur Safina Mohd Sharif, Noor Lizza Mohamed Said	94-105

Journal of Contemporary Islamic Law

(2022)Vol. 7(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2022), Title, Journal of Contemporary Islamic Law, 7(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.